

APLIKASI STRATEGI PENEGUHAN POSITIF DALAM MODIFIKASI TINGKAH LAKU DISTRUPTIF MURID MASALAH PEMBELAJARAN SEKOLAH RENDAH

(Application of Positive Reinforcement Strategies in Behaviour Modification of Disruptive Students With Learning Disabilities in Primary School)

Nur Maziah Baharom^a, Rosadah Abd Majid^b

^{ab}Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
e-mail : nurraudhah55@gmail.com

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk menguji sejauh mana strategi peneguhan positif dapat memberi kesan yang positif terhadap perubahan tingkah laku Murid Berkeperluan Khas (MBK) Masalah Pembelajaran di sekolah rendah. Responden kajian adalah seorang murid 'Slow Learner' yang sedang belajar di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Daerah Port Dickson. Data dikumpul berdasarkan kaedah pemerhatian. Pengkaji mengambil masa 4 minggu untuk melihat perubahan tingkah laku disruptif yang ditunjukkan oleh murid. Tingkah laku disruptif yang difokuskan dalam kajian ini ialah tingkah laku suka berjalan yang mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Peneguhan positif yang digunakan ialah token ekonomi dan penajanaan motivasi intrinsik kepada MBK. Pemerhatian tingkah laku dijalankan di dalam bilik darjah dan ia melibatkan 3 fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas intervensi. Kajian ini menggunakan kaedah A-B-A iaitu A adalah fasa baseline dan B adalah fasa intervensi. Data direkod dalam bentuk jadual dan graf garis linear berdasarkan fasa-fasa intervensi yang dijalankan ke atas MBK. Pada akhir kajian ini, pengkaji dapat membuat beberapa rumusan tentang perkaitan elemen ransangan terhadap perubahan tingkah laku MBK di dalam bilik darjah. Hasil kajian menunjukkan bahawa peneguhan positif yang dilaksanakan adalah berkesan dan dapat mengurangkan tingkah laku disruptif MBK seterusnya membawa kepada pengurusan bilik darjah yang cemerlang.

Kata kunci : peneguhan positif, modifikasi tingkah laku, tingkah laku disruptif, murid berkeperluan khas, masalah pembelajaran, program pendidikan khas integrasi

Abstract: This research was conducted to test the extent to which positive reinforcement strategy helps in changing the behaviour of special needs students with learning disabilities in primary school. The respondent for this research was a Slow Learner student in the Special Education Integration Programme (PPKI) in the district of Port Dickson. The behaviour that was focused in this research was walking around the classroom, which interfered with the teaching and learning process in the classroom. The data collected were based on observation. Researchers took 4 weeks to see a change in behaviour shown by student. Positive reinforcement technique that was used in this study was 'token economy' and intrinsic motivation technique. Behaviour observation was done in the classroom in 3 phases, which was before intervention, during intervention and after intervention. This research used A-B-A methods which A represents the baseline phase and B represents the intervention phase. Data collected were recorded in tables and linear graphs according to the phases of observation that was done. At the end of the study, researchers were able to make some summary about the changes in the behaviour of the student in the classroom. The results showed that positive reinforcement implemented was effective and reduced disruptive behaviour of students which lead to excellent classroom management.

Keywords: positive reinforcement, behaviour modification, disruptive behaviour, students with special needs, learning disabilities, special education integration programme

PENDAHULUAN

Tingkah laku adalah apa sahaja yang diperkatakan atau dilakukan oleh individu. Menurut Garry Martin & Joseph Pear (2003), tingkah laku merangkumi aktiviti, aksi, prestasi, bertindakbalas, tindakan, dan reaksi. Tingkah laku boleh berbentuk positif mahupun negatif. Mohd Nazar Mohamad (1990) menyatakan tingkah laku negatif atau bermasalah dalam konteks pendidikan adalah merujuk kepada sebarang tingkah laku murid yang boleh menjejaskan kelicinan atau keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam bilik darjah. Tingkah laku bermasalah boleh menjadi 'barah' yang mampu membunuh keupayaan

belajar dan prestasi murid di dalam bilik darjah. Tingkah laku ini jika tidak dibendung akan menyebabkan penyebaran 'penyakit berjangkit' di dalam bilik darjah yang kesannya turut memberi impak kepada murid-murid yang lain.


Menurut Dantini (2011), masalah tingkah laku dalam kalangan MBK bukanlah suatu masalah yang begitu serius tetapi ia boleh menjadi serius sekiranya tidak dirawat. Hal ini kerana apabila suatu tingkah laku disruptif terjadi, ia bukan hanya melibatkan seorang murid sahaja tetapi impaknya adalah kepada suasana P&P secara keseluruhan. Murid yang mempunyai tingkah laku disruptif cenderung untuk mengganggu

tumpuan murid-murid lain semasa proses P&P sedang dijalankan.

Menurut Nor Anisa (2005) dan Abdullah Sani (2005), guru pendidikan khas perlu memiliki pengetahuan yang tinggi untuk mengubah tingkah laku yang diinginkan. Sekiranya guru bijak menangkas tingkah laku distruptif di dalam bilik darjah, pasti banyak transformasi dan kemajuan yang dapat dicapai sama ada oleh murid itu sendiri mahupun daripada murid-murid yang lain. Guru boleh membantu mengubah tingkah laku MBK dengan merancang persekitaran sosial yang baru dan terpimpin. Stone (2007) menyatakan sekiranya tingkah laku boleh dipelajari, maka sudah tentu tingkah laku juga boleh diubahsuai. Oleh itu, proses perubahan tingkah laku perlu dilakukan secara terpimpin dan sistematik supaya terlahim dalam mendapatkan tingkah laku yang diinginkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian tingkah laku ini dijalankan secara kajian tindakan. Menurut Lewin (1946), fasa-fasa yang perlu dilalui untuk melihat suatu transformasi ialah merancang, bertindak, memerhati dan mereflek. Pemerhatian ini dilakukan 3 peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas intervensi yang dijalankan selama 4 minggu seperti dalam rajah 1. Kaedah A-B-A digunakan dalam perekodan data iaitu A adalah baseline dan B adalah intervensi.



Rajah 1: Fasa-fasa Pemerhatian

Peneguhan positif yang difokuskan dalam kajian ini adalah berbentuk bahan maujud (hadiah), sosial (pujian, pelukan, sentuhan) dan token (markah). Ganjaran bahan maujud yang telah diputuskan oleh jawatan kuasa adalah seperti di jadual 1. Pemberian hadiah adalah berdasarkan jumlah mata ganjaran yang terkumpul. Pengkaji dan jawatan kuasa akan merekodkan kekerapan murid berjalan sebelum, semasa dan selepas proses intervensi dilakukan. Untuk setiap tingkah laku yang mencapai sasaran, murid akan diberi mata ganjaran.

Ganjaran bahan maujud yang diputuskan oleh jawatan kuasa penilai bergantung kepada jumlah mata yang dikumpul oleh murid. Mata yang dikumpul akan ditukarkan dengan hadiah yang ditetapkan. Apabila murid mendapat 20 mata, maka hadiah yang akan diperolehi murid ialah aiskrim. Apabila murid mendapat 50 mata, hadiah yang akan diperolehi murid ialah bekas

pensil. Pemberian ini berterusan sehingga murid mencapai hadiah tertinggi.

Jadual 1: Jadual Pemberian Ganjaran Bahan Maujud

| Mata | Hadiah |
|------|--------------|
| 20 | Aiskrim |
| 50 | Bekas Pensil |
| 100 | Botol Air |
| 150 | Pensil Warna |
| 200 | KFC |

Sekiranya murid tidak berjalan dalam satu sesi pembelajaran, murid akan diberi mata 3. Mata ini dikumpul setiap hari dan diberi hadiah mengikut bilangan mata terkumpul dalam seminggu. Hadiah diberikan setiap hujung minggu iaitu hari Jumaat.

Formula pengiraan mata:

$$a \times 3 = b$$

di mana,

a = sesi P&P yang murid tidak berjalan (dikira setiap 30 minit)

b = jumlah mata terkumpul pada minggu semasa.

Contoh pengiraan:

Sesi P&P yang murid tidak berjalan pada minggu 1 adalah 7. Oleh itu, pengiraan mata yang diperolehi murid dikira seperti berikut:

$$7 \times 3 = 21$$

Maka, jumlah mata yang diperolehi oleh murid adalah 21. Mengikut jadual pemberian ganjaran dalam jadual 1, sekiranya murid memperoleh lebih daripada 20 mata, maka hadiah aiskrim perlu diberikan kepada murid. Mata pada minggu pertama ini akan di bawa kepada minggu 2 dan dijumlahkan pada akhir minggu 2.

Contoh pengiraan:

Sesi P&P yang murid tidak berjalan pada minggu 2 adalah 15. Oleh itu, pengiraan mata yang diperolehi murid dikira seperti berikut:

$$15 \times 3 = 45$$

Jumlah mata minggu 2 ini perlu ditambah dengan jumlah mata minggu 1. Maka, jumlah mata terkumpul oleh murid adalah seperti berikut:

$$45 + 21 = 66$$

Jumlah mata terkumpul yang diperoleh murid pada minggu kedua ialah 66. Mengikut jadual pemberian ganjaran dalam jadual 1, sekiranya murid memperoleh lebih daripada 50 mata, maka hadiah bekas pensil perlu diberikan kepada murid.


DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian adalah berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji dan jawatan kuasa penilai selama 4 minggu. Berdasarkan pemerhatian, jumlah

kekerapan murid berjalan mengikut hari adalah berbeza. Hal ini disebabkan oleh pelbagai faktor seperti masa, iklim bilik darjah dan kecenderungan terhadap mata pelajaran tertentu. Pemerhatian awal telah direkodkan pada minggu pertama sebagai data baseline (A). Pemerhatian ini dinyatakan dalam jadual 2 iaitu mengenai kekerapan murid berjalan sebelum intervensi. Berdasarkan jadual 2, kekerapan murid berjalan adalah tinggi iaitu sebanyak 82 kali seminggu. Seterusnya rajah 2 menunjukkan kekerapan murid berjalan dalam bentuk graf linear.

Jadual 2: Kekerapan Murid Berjalan Sebelum Intervensi (Minggu 1)

| Hari/ | 7.40 | 8.10 | 8.40 | 9.10 | 9.40 | 10.00 | 10.30 | 11.00 | 11.30 | 12.00 | 12.30 | Jumlah |
|----------|------|------|------|------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|--------|
| | 8.10 | 8.40 | 9.10 | 9.40 | 10.00 | 10.30 | 11.00 | 11.30 | 12.00 | 12.30 | 1.00 | |
| I | - | // | / | // | R | // | // | // | // | /// | /// | 19 |
| S | // | // | // | // | E | // | // | // | // | // | // | 18 |
| R | - | - | // | // | H | /// | // | // | /// | // | | 16 |
| K | // | // | /// | // | A | / | / | // | // | // | | 17 |
| J | - | - | // | // | T | // | // | // | // | | | 12 |



Rajah 2: Kekerapan Murid Berjalan Sebelum Intervensi (Minggu 1)


Fasa intervensi (B) merupakan perkara yang penting dalam kajian ini kerana ia akan membuktikan sejauh mana peneguhan positif memberi impak positif kepada MBK. Jadual 3 dan jadual 4 menunjukkan dapatan data yang diperoleh pada fasa intervensi. Dapatan ini diperoleh pada minggu kedua dan ketiga program modifikasi tingkah laku ini dijalankan.

Berdasarkan jadual 3 dan jadual 4, dapat dilihat bahawa kekerapan murid berjalan telah berkurang dengan drastik iaitu sebanyak 54 dan 31 kali berbanding 82 kali ketika sebelum intervensi. Rajah 3 dan rajah 4 menunjukkan bagaimana kekerapan ini berubah dalam bentuk graf linear.

Jadual 3: Kekerapan Murid Berjalan Semasa Intervensi (Minggu 2)

| Hari/ | 7.40 | 8.10 | 8.40 | 9.10 | 9.40 | 10.00 | 10.30 | 11.00 | 11.30 | 12.00 | 12.30 | Jumlah |
|----------|------|------|------|------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|--------|
| | 8.10 | 8.40 | 9.10 | 9.40 | 10.00 | 10.30 | 11.00 | 11.30 | 12.00 | 12.30 | 1.00 | |
| I | - | // | / | // | R | // | / | / | / | / | // | 13 |
| S | / | / | / | // | E | // | - | / | / | / | // | 12 |


| | | | | | | | | | | | |
|----------|---|---|---|----|----------|----|---|---|----|----|----|
| R | - | - | / | / | H | // | / | / | / | // | 9 |
| K | / | / | / | // | A | / | / | - | / | // | 10 |
| J | - | - | / | // | T | // | / | / | // | | 10 |



Rajah 3: Kekerapan Murid Berjalan Semasa Intervensi (Minggu 2)

Jadual 4: Kekerapan Murid Berjalan Semasa Intervensi (Minggu 3)

| Hari/ | 7.40 | 8.10 | 8.40 | 9.10 | 9.40 | 10.00 | 10.30 | 11.00 | 11.30 | 12.00 | 12.30 | Jumlah |
|----------|------|------|------|------|----------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|--------|
| | 8.10 | 8.40 | 9.10 | 9.40 | 10.00 | 10.30 | 11.00 | 11.30 | 12.00 | 12.30 | 1.00 | |
| I | - | / | - | / | R | / | - | - | / | / | / | 6 |
| S | - | / | / | / | E | / | - | / | / | - | / | 7 |
| R | - | - | / | / | H | / | / | / | / | / | | 7 |
| K | / | - | / | / | A | - | - | / | - | / | | 5 |
| J | - | - | / | / | T | / | / | / | / | | | 6 |



Rajah 4: Kekerapan Murid Berjalan Semasa Intervensi (Minggu 3)

Fasa terakhir adalah selepas intervensi (A). Fasa ini menunjukkan bagaimana tingkah laku murid terlazim dengan peneguhan positif. Fasa selepas intervensi menjawab persoalan mengenai sejauh mana


peneguhan positif memberi impak kepada peningkatan motivasi intrinsik murid. Murid tidak diberikan peneguhan positif seperti pujian. Namun pemberian markah masih dijalankan tanpa pengetahuan murid.

Apabila murid berjalan, jawatan kuasa penilai akan memberi isyarat bahawa tingkah laku itu tidak disukai dan murid perlu duduk. Dapatan data pada minggu 4 ini adalah seperti yang dinyatakan pada jadual 5. Berdasarkan jadual 5, kekerapan murid berjalan kembali meningkat kepada 41 kali. Rajah 5 menerangkan situasi


dalam bentuk graf linear. Jumlah ini telah meningkat berbanding kekerapan pada minggu-minggu intervensi. Seterusnya rajah 6 menunjukkan kekerapan murid berjalan selama 4 minggu program modifikasi tingkah laku.

Jadual 5: Kekerapan Murid Berjalan Selepas Intervensi (Minggu 4)

| Hari/ | 7.40 | 8.10 | 8.40 | 9.10 | 9.40 | 10.00 | 10.30 | 11.00 | 11.30 | 12.00 | 12.30 | Jumlah |
|-------|------|------|------|------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|--------|
| | 8.10 | 8.40 | 9.10 | 9.40 | 10.00 | 10.30 | 11.00 | 11.30 | 12.00 | 12.30 | 1.00 | |
| I | - | / | - | // | R | / | / | - | / | - | / | 7 |
| S | - | / | / | / | E | / | - | / | / | - | / | 7 |
| R | - | / | // | / | H | // | / | / | / | / | | 10 |
| K | // | - | / | / | A | - | // | / | - | / | | 8 |
| J | - | / | // | / | T | / | - | // | // | | | 9 |



Rajah 5: Kekerapan Murid Berjalan Selepas Intervensi (Minggu 4)



Rajah 6: Perbandingan Kekerapan Murid Berjalan Minggu 1-4

Mengikuti persetujuan jawatan kuasa penilai, murid akan diberikan ganjaran bahan maujud sekiranya berjaya menunjukkan perubahan kepada tingkah laku sasaran. Pemberian ganjaran bahan maujud ini dilakukan mengikut skala seperti yang dinyatakan pada jadual 1. Berdasarkan pemerhatian dan penilaian selama 3 minggu, ganjaran bahan maujud yang diterima oleh murid adalah seperti yang

dinyatakan pada jadual 6. Pada minggu kedua, murid diberi ganjaran aiskrim kerana berjaya mengumpul mata melebihi 20. Pada minggu ketiga, murid diberi ganjaran bekas pensil kerana berjaya mengumpul mata melebihi 50. Pada minggu keempat pula murid diberi ganjaran botol air kerana berjaya mengumpul mata melebihi 100.

Jadual 6: Jadual Penerimaan Ganjaran Bahan Mautud

| | Jumlah tidak berjalan semasa sesi P&P | Jumlah mata terkumpul mingguan | Jumlah mata ganjaran terkumpul | Hadiah |
|-----------------|---|--------------------------------------|--------------------------------------|--------------|
| | a | b (a x 3) | c (b1+b2+b3) | |
| Minggu 2 | 7 | 21 | 21 | Aiskrim |
| Minggu 3 | 15 | 45 | 66 | Bekas pensil |
| Minggu 4 | 13 | 39 | 105 | Botol air |

REFLEKSI DAN PENILAIAN

Menurut Rahil Mahyuddin (2002), peneguhan positif boleh meningkatkan berlakunya tingkah laku sasaran. Ransangan yang diberikan kepada murid berpotensi meningkatkan kebarangkalian suatu tingkah laku sasaran itu berulang. Berdasarkan pemerhatian, peneguhan positif yang diberikan telah menunjukkan keberkesanan dalam modifikasi tingkah laku MBK. Ganjaran yang disediakan oleh guru diminati oleh murid dan ia mendorong murid untuk mengulangi tingkah laku sasaran. Tingkah laku murid berubah dengan baik walaupun pada permulaannya disebabkan peneguhan positif yang berbentuk bahan maujud. Penerimaan ganjaran bahan maujud yang diterima oleh murid adalah seperti yang dinyatakan pada jadual 6. Walaupun murid diberi ganjaran sosial seperti pujian, namun dapat dilihat kecenderungan murid untuk berubah adalah disebabkan ganjaran bahan maujud.

Menurut Teori Pembelajaran Skinner, pemberian ganjaran akan menyebabkan berlakunya tindak balas. Melalui peneguhan positif, murid terdorong untuk melakukan perubahan melalui pelaziman. Apabila mendapat ganjaran bahan maujud, kecenderungan murid untuk bertindak balas akan meningkat. Namun apa yang penting ialah ganjaran diberi secara terpandu dan sistematik supaya perubahan tingkah laku dapat berubah dengan lebih baik. Sekiranya keperluan ini tidak dipenuhi atau dijalankan secara tidak berkala, kebarangkalian pembentukan tingkah laku sasaran akan mengambil masa yang lebih panjang. Teori pelaziman operan sangat mentingkan skala dalam pemberian ganjaran dalam suatu pembentukan tingkah laku sasaran.

Setelah beberapa hari diberi peneguhan positif, murid menjadi biasa dengan tingkah laku sasaran. Murid telah mula menyesuaikan diri dengan duduk di tempat sendiri sehingga proses P&P tamat. Di sini, dapat dilihat bahawa konsep peneguhan positif yang dijalankan telah memberi impak yang optimum kepada murid. Jadual 4 menunjukkan bagaimana tingkah laku itu berjaya diubah berbanding sebelum fasa intervensi.

Sebelum intervensi, kekerapan murid berjalan adalah sebanyak 82 kali seminggu. Semasa intervensi, jumlah ini berkurang kepada 30-54 kali seminggu dan selepas intervensi jumlah ini kembali meningkat kepada 41 kali seminggu. Namun di sini dapat dilihat dengan jelas bahawa tingkah laku disruptif dapat dikurangkan dengan sangat ketara melalui pelaksanaan strategi peneguhan positif. Perbandingan kekerapan tingkah laku ini juga boleh dilihat dalam graf linear seperti di rajah 2, rajah 3, rajah 4, rajah 5 dan rajah 6.

Kelebihan yang dapat dilihat daripada strategi peneguhan positif ini ialah perubahan tingkah laku murid dari negatif ke arah tingkah laku sasaran kemudiaannya terdorong oleh dirinya sendiri. Murid dapat menjalani perubahan dengan emosi yang baik. Apabila murid dapat berubah dengan emosi yang baik, hasil kerja murid juga menjadi bertambah baik.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Merujuk kepada Teori Pembelajaran Skinner, suatu ransangan yang berkesan akan mewujudkan tindak balas yang berkesan. Jika dilihat pada dapatan data, jelas menunjukkan bahawa apabila seseorang murid diberikan peneguhan positif, tingkah laku disruptif murid menurun dengan begitu drastik.

Menurut Charles (2008), guru-guru yang mengaplikasikan peneguhan positif dapat mendorong murid-murid untuk menunjukkan tingkah laku yang baik. Ia juga seiring dengan fitrah murid yang suka kepada keseronokan. Setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Oleh itu guru perlu memilih strategi modifikasi yang sesuai dengan keperluan murid. Menurut Khalim Zainal (2008) guru boleh membantu murid membentuk tingkah laku sasaran melalui pelbagai perspektif, salah satunya adalah melalui strategi peneguhan positif.

Strategi peneguhan positif telah berjaya membentuk tingkah laku sasaran. Teori Skinner merupakan suatu indikator dan perancangan modifikasi tingkah laku yang sistematik dalam usaha menyediakan murid ke arah alam pembelajaran yang berkesan. Melalui peneguhan positif murid berubah dengan seronok, keinginan belajar yang didorongi oleh diri sendiri dan wujud hubungan yang baik antara murid dengan guru. Dengan ini, proses P&P dapat dijalankan dengan baik, seterusnya memberi peluang kepada murid lain untuk memberi tumpuan yang lebih baik semasa sesi pembelajaran.

Persekitaran pembelajaran merupakan pengaruh penting kepada berlakunya tingkah laku disruptif di dalam bilik darjah. Hal ini dijelaskan oleh Asizah (2015) dalam kajiannya yang menyatakan antara faktor-faktor penyebab berlakunya tingkah laku disruptif adalah faktor persekitaran. Kebiasaannya masalah ini wujud apabila keadaan murid tidak kondusif semasa mengikuti sesi P&P di dalam kelas. Salah satu cara untuk menarik minat murid disruptif untuk belajar adalah dengan mengubah persekitaran dan strategi pembelajaran.

Teori Bandura (1997) juga terlibat dalam situasi ini. Apabila meningkatnya emosi positif daripada murid disruptif, ia secara tidak langsung memberi impak kepada penambahbaikan kepada murid yang lain. Selain belajar melalui pelaziman, murid juga belajar secara peniruan. Pengaruh rakan sebaya adalah penting dalam menentukan kejayaan murid di dalam pembelajaran. Hal ini dipersetujui oleh Nursuhaili (2010) yang menyatakan selain daripada mengembangkan kebolehan dan kognisi sosial, rakan sebaya juga turut berupaya mempengaruhi sikap dan tingkah laku. Kenyataan ini turut disokong oleh Quek Miow Leng (2006) yang menyatakan rakan sebaya turut berperanan dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Tingkah laku disruptif perlu diberi perhatian serius oleh guru agar tingkah laku tersebut tidak mengganggu murid lain serta keseluruhan P&P. Hal ini dijelaskan oleh Higgins, Williams & Mc Laughlin, (2001) yang menyatakan bahawa tingkah laku disruptif memberikan impak negatif di dalam bilik darjah melalui pelbagai cara dan mengganggu kelancaran proses P&P murid secara individu, guru atau keseluruhan bilik darjah. Kecemerlangan dalam mengendalikan bilik darjah tidak sepenuhnya dipengaruhi oleh alat bantuan mengajar yang kompleks dan rapi tetapi ia turut

dipengaruhi oleh pengawasan kelas secara keseluruhan. Salah satu aspek yang penting ialah pengurusan tingkah laku murid disruptif. Oleh itu, kajian ini secara keseluruhannya menekankan bagaimana strategi peneguhan positif itu membantu guru mengurus bilik darjah apabila mendepani murid yang mempunyai masalah tingkah laku disruptif.

RUJUKAN

- Abdullah Sani. 2005. Mengurus Hal Ehwal Pelajar. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Asizah. 2015. Children Disruptive Behavior Well-being: Pentingnya Hubungan Anak dan Orang Tua. *Seminar Psikologi & Kemanusiaan, Psychology Forum UMM*, 46-54. ISBN: 978-979-796-324-8.
- Bandura, A. 1997. Social learning theory. Prentice-Hall, New Jersey.
- Charles. 2008. Building Classroom Discipline, Pearson Education Inc, United States.
- Dantini Ak Juring. 2011. Aplikasi Teknik Modifikasi Tingkah Laku Dalam Pengurusan Tingkah Laku Murid Bermasalah Pembelajaran. Unpublished Degree Thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Fiona Shelton, Simon Brownhill. 2008. Effective Behavior Management in the Primary Classroom. The McGraw.Hill.
- Higgins J., Williams R., & McLaughlin, T.F. 2001. The Effect of a Token Economy Employing Instructional Consequences for a Third-Grade Student With Learning Disabilities: A Data-Based Case Study. *Education & Treatment of Children*, 24, 99-106.
- Khalim Zainal. 2008. Memahami Tingkah Laku Remaja Bermasalah dari Perspektif Teori Tingkah Laku, Humanistik, Psikoanalik & Tret Personaliti. *Jurnal Pengajian Umum*, 9, 43-55.
- Liyana Ahmad Afip et al. 2013. Persepsi dan Pengalaman Guru Pendidikan Khas dalam Menghadapi Permasalahan Disleksia dalam Kemahiran Literasi. Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.
- Noorhayati Hashim. 2012. Kaedah Syakir Membaca: Kajian Tindakan Bagi Membantu Disleksia Belajar Membaca. Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia.
- Nursuhaili Baharuddin. 2010. Hubungan Antara Kemahiran Sosial dengan Tingkah Laku Sosial dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah di Tabika Kemas, Beaufort. Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.
- Nor Anisa Musa. 2005. Modifikasi Tingkah Laku Melalui Kemahiran Asas Guru dan Guru Sebagai Kaunselor dan Motivator dalam Pembentukan Tingkah Laku Kanak-kanak. Universiti Malaya, Malaysia.

Quek Miow Leng. 2006. Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru dan Pengaruh Rakan Sebaya dengan Pencapaian Matematik di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Daerah Batu Pahat, Johor. Univesiti Teknologi Malaysia, Malaysia.

Rahil Mahyuddin. 2002. Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan. Karisma Publications, Shah Alam, Malaysia.

Ronaldi Saleh Umar et al. 2011. Menggunakan Animasi di dalam Instruksi Khas untuk Kanak-kanak Disleksia, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Mara, Shah Alam Selangor, Malaysia.
Skinner, B.F. 1958. Teaching Machines. Appleton Century Crofts, New York.